

01/09/1998

Semangat patriotik perlu dipupuk dari peringkat awal

KUALA LUMPUR, Isnin - Semangat patriotik perlu dibentuk dari peringkat awal, khususnya generasi muda dalam usaha mempertahankan kemerdekaan negara, kata Presiden Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam, Amidi Abd Manan.

Menurutnya, masyarakat harus memberi perhatian kepada generasi muda kerana mereka adalah cermin masyarakat masa depan.

"Semangat bersatu padu serta musyawarah yang tebal perlu wujud di kalangan generasi muda supaya tidak timbul perkara yang tidak diinginkan.

"Misalnya, dalam kes penyebaran khabar angin kononnya berlaku rusuhan di Chow Kit baru-baru ini, yang tertangkap adalah remaja berusia 20-an. Ini mungkin disebabkan kekurangan rasa kekitaan dalam sanubari mereka," katanya ketika dihubungi Berita Harian di sini, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kemerdekaan semalam, mengajak rakyat berganding bahu dengan kerajaan untuk memulihkan ekonomi demi mempertahankan kemerdekaan dan kedaulatan negara.

Sementara itu, tinjauan Berita Harian hari ini mendapati kebanyakan warga kota berharap keamanan dan kemerdekaan negara ini akan tetap bertahan selama-lamanya.

Kakitangan Telekom Malaysia Berhad, Rosni Mohd Said, 45, berkata negara beruntung kerana kebanyakan projek mega disiapkan sebelum rantau ini kegawatan ekonomi.

"Bagaimanapun jika dibanding pertumbuhan pembangunan berbanding 41 tahun lalu adalah terlalu banyak berbeza dan rakyat negara ini bertuah kerana dapat mengecapi pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan," katanya.

(END)